

04 SEP 2002

Umno-Muzium

MUZIUM UMNO AKAN DIBINA DI MELAKA TAHUN DEPAN

MELAKA, 4 Sept (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Melaka akan menubuhkan Muzium Umno yang menempatkan pelbagai koleksi berkaitan sejarah Umno pada tahun depan, kata Pengerusi Muzium Umno Datuk Amid Nordin.

Beliau berkata pelancaran muzium itu akan dilakukan Presiden Umno yang juga Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sehubungan itu kita mengharapkan semua ahli, veteran Umno dan waris keluarga ahli menyumbangkan sebarang koleksi yang boleh dijadikan bahan pameran di muzium berkenaan," katanya pada sidang media di Seri Negeri, hari ini.

Beliau berkata muzium itu akan diwujudkan di kawasan Kompleks Warisan di Bandar Hilir.

Ia menjadi tempat sambutan Tunku Abdul Rahman Putra sekembali beliau dan rombongan dari England setelah memperolehi kemerdekaan dari Inggeris.

Amid berkata idea penubuhan muzium itu dicetuskan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam pada sambutan Hari Kemerdekaan baru-baru ini, bagi memastikan generasi muda tidak melupai jasa dan pengorbanan pemimpin Umno dalam memperjuangkan kemerdekaan.

Beliau yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri berkata setakat ini sebanyak 70 bahan koleksi termasuk surat dan gambar telah dikumpul.

Umno negeri akan melawat seluruh negara termasuk Arkib Negara dan Rumah Umno untuk mendapatkan lebih banyak bahan koleksi, katanya.

Orang ramai boleh turut menyumbang bahan-bahan kepada Ibu Pejabat Umno Perhubungan di Jalan Hang Tuah dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri di Bukit Baru.

Beliau berkata muzium itu merupakan muzium yang ke-15 di Melaka. Kerajaan negeri mahu mewujudkan sehingga 21 muzium.

-- BERNAMA

SBS HM